

NO. SOALAN: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan mengapakah masih wujud kes kekurangan bekalan minyak masak paket terutamanya di musim perayaan di sesetengah kawasan serta langkah bersepadu dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, isu gangguan bekalan minyak masak bersubsidi telah semakin berkurangan berbanding ketika tempoh peralihan pengurusannya pada penghujung tahun 2016 yang lalu.

Walau bagaimanapun, permintaan terhadap minyak masak bersubsidi didapati meningkat secara mendadak terutama pada musim perayaan seperti mana yang berlaku semasa sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Dalam hal ini, Kementerian ini telahpun mengeluarkan arahan kepada kilang penapis dan syarikat pembungkus minyak masak untuk memastikan bekalan minyak masak adalah mencukupi di pasaran.

Selain itu, aktiviti penguatkuasaan serta pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan secara berkala oleh pihak penguatkuasa Kementerian ini ke kilang penapis, syarikat pembungkus serta premis pemberong dan peruncit di seluruh negara bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menyorok minyak masak bersubsidi.

Sekiranya didapati berlaku aktiviti menyorok minyak masak dengan tujuan menjual melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, peniaga tersebut boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan seterusnya dikenakan tindakan rampasan atau sitaan barang, penggantungan atau pembatalan lesen.